



**LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH  
(SABAH PORTS AUTHORITY)**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

**Rujukan Fail : LPPS 500-9/14/19**

**Tarikh Iklan : 26 Oktober 2023**

1. 1. Jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang, Gred L29
  2. Jumlah Kekosongan Satu (01)
  3. Badan Berkanun Negeri Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah  
(*Sabah Ports Authority*)
  4. Taraf Lantikan **Kontrak**
  5. Kumpulan Perkhidmatan Pelaksana
  6. Klasifikasi Perkhidmatan Perundangan Dan Kehakiman
- 
2. Jadual Gaji Gaji Minimum : RM1,773.00  
Gaji Maksimum : RM5,674.00  
Kenaikan Gaji Tahunan : RM145.00
- 
3. Syarat-Syarat Lantikan
    1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
      - (a) Warganegara Malaysia yang mana salah seorang ibu atau bapanya hendaklah berasal dari Sabah;
      - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ini;
      - (c) (i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00);  
  
Atau  
  
(ii) Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,847.86).
    - (d) Pemohon yang memiliki kelayakan lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada agensi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya boleh dipertimbangkan.

**“SABAH MAJU JAYA”**

4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Ringkasan Tugas
1. (a) Membantu Pegawai Undang-Undang (PUU) menyediakan surat cara perundangan, nasihat perundangan, notis tuntutan/amaran/penamatan/pembaharuan/penyambungan dan lain-lain, mendraf dokumen perjanjian kontrak/memorandum persefahaman (MOU), perunding bagi projek pembangunan pelabuhan dari aspek perundangan, pemantauan Dokumen Perjanjian Penswastan Pelabuhan;
  - (b) Menjalankan siasatan awal, kajian kes, pengumpulan data dan keterangan berkenaan sesuatu isu undang-undang; dan
  - (c) Menjalankan lain-lain tugas Unit Perundangan yang diarahkan dari semasa ke semasa.
6. Cara Memohon Permohonan mestilah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah di <https://lpps.sabah.gov.my/downloads>.
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :
- Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah  
Beg Berkunci No. 2005  
88617 Kota Kinabalu, Sabah**
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **08 November 2023**.  
Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. Sesi Temuduga Hanya pemohon yang layak selepas tapisan kelayakan akan disenarai pendek dan akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

**“SABAH MAJU JAYA”**